



## **POLISI TEMPAT LETAK KENDERAAN (ZON CHERAS)**

---

### **A. PENDAHULUAN**

Polisi Tempat Letak Kenderaan ini diwujudkan bagi tujuan memberi panduan dari segi kedudukan dan kelayakan tempat letak kenderaan kakitangan di Zon Cheras, Kampus Kuala Lumpur.

### **B. LATAR BELAKANG**

Sehingga bulan Jun 2018, anggaran jumlah petak tempat letak kenderaan bagi kakitangan di Zon Cheras adalah sebanyak 1600 petak. Sejak penubuhan Hospital Canselor Tuanku Muhriz pada tahun 1997, kedudukan tempat letak kenderaan di Zon Cheras adalah secara terbuka kecuali tempat kenderaan aras bawah. Mulai tahun 2010, penyusunan kedudukan tempat letak kenderaan kepada kakitangan HCTM dan Fakulti Perubatan dilaksanakan mengikut zon di mana kelayakan tempat letak kenderaan bukan sahaja diberikan kepada kakitangan yang memegang jawatan pentadbiran tetapi diberi mengikut gred jawatan dan kedudukan zon tempat letak kenderaan khas kakitangan ditambah kepada zon-zon lain. Di samping itu, kedudukan tempat letak kenderaan secara terbuka juga ditentukan bagi mana-mana kakitangan yang tidak diperuntukkan khas tempat letak kenderaan.

### **C. SYARAT-SYARAT UMUM**

1. Petak tempat letak kenderaan adalah satu kemudahan yang diberikan oleh Kampus Kuala Lumpur (KKL) kepada kakitangan yang layak. Ianya bukanlah hak milik individu atau peruntukan untuk mana-mana jabatan dan boleh ditukar/ditarik balik dengan arahan pihak Pengurusan Utama KKL.
2. Pengurusan Tertinggi KKL juga berhak menggunakan petak tempat letak kenderaan tersebut untuk kegunaan majlis atau aktiviti-aktiviti KKL. Penggantian petak tempat letak kenderaan tertakluk kepada kekosongan.
3. Semua Kenderaan yang menggunakan kemudahan tempat letak kenderaan hendaklah mempunyai pelekat kenderaan UKM.
4. Pelekat hanya diberi kepada kakitangan yang mempunyai dan memandu kereta untuk bekerja. Pelekat kereta tidak boleh dipindah milik tanpa kebenaran bertulis dan tindakan mandatori akan diambil dengan menarik balik kemudahan ini.
5. Kakitangan yang mempunyai masalah kesihatan boleh mengemukakan permohonan dengan melampirkan surat pengesahan perubatan dari Pakar/Pegawai Perubatan bagi tujuan pertimbangan Pengurusan Utama Kampus Kuala Lumpur. Kemudahan ini diberikan tertakluk kepada kekosongan petak tempat letak kenderaan di Zon khas masalah kesihatan.

6. Kakitangan yang mengandungi boleh mengemukakan permohonan tempat letak kenderaan dengan syarat usia kandungan adalah 32 minggu dan ke atas. Pemohon perlu melampirkan salinan muka depan buku Kesihatan Ibu. Kemudahan ini diberikan tertakluk kepada kekosongan petak tempat letak kenderaan.
7. Semua kenderaan yang diletakkan di petak parkir hendaklah diletakkan secara *Reverse Parking* untuk memudahkan pergerakan semasa kecemasan.
8. Kakitangan yang didapati melakukan kesalahan dan pelanggaran mana-mana tata tertib lalu lintas di dalam Peraturan-Peraturan lalu Lintas KKL akan dikenakan tindakan mengunci tayar (*Clamping*) dan kompaun sebanyak RM100.00 (maksimum). Pengurangan kadar adalah tertakluk kepada kelulusan Ketua Bahagian Keselamatan KKL.
9. Bagi mana-mana kakitangan yang akan mengosongkan tempat letak kenderaan yang telah diperuntukkan melebihi tempoh enam (6) bulan atas dasar Cuti Belajar, Cuti Sabatikal, Cuti Tanpa Gaji atau lain-lain perkara perlulah memaklumkan secara bertulis kepada Bahagian Governan dan Pentadbiran, Jabatan Pendaftar (KKL). Peruntukan petak tempat letak kenderaan khas berkenaan akan ditarik semula oleh pihak Bahagian Governan dan Pentadbiran, Jabatan Pendaftar (KKL). Kakitangan yang terlibat perlulah mengemukakan semula permohonan satu (1) bulan sebelum tarikh lapor diri.
10. Bagi mana-mana kakitangan yang akan mengosongkan tempat letak kenderaan kurang daripada enam (6) bulan atas dasar Cuti Belajar, Cuti Sabatikal, Cuti Tanpa Gaji atau lain-lain perkara perlulah memaklumkan secara bertulis kepada Bahagian Governan dan Pentadbiran, Jabatan Pendaftar (KKL). Kekosongan tempat letak kenderaan berkenaan akan diberikan kepada individu lain oleh Bahagian Governan dan Pentadbiran, Jabatan Pendaftar (KKL) bagi tempoh sementara.
11. Penguatkuasaan peraturan tempat letak kenderaan adalah tertakluk juga kepada peraturan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

#### D. KATEGORI DAN KELAYAKAN

BIL	KATEGORI TEMPAT LETAK KENDERAAN	KELAYAKAN
1.	TEMPAT LETAK KENDERAAN KHAS KAKITANGAN	<p><b>Tempat Letak Kenderaan Aras Bawah</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengurusan Utama Kampus Kuala Lumpur (KKL) / Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) / Timbalan-timbalan Pengarah peringkat PTj / Timbalan-timbalan Dekan Peringkat PTj / Ketua Bahagian peringkat Pejabat Pro Naib Canselor KKL / Ketua Jabatan peringkat (PTj)</li> <li>2. Kakitangan DU/DS/UD/UG/UF Gred 51 dan ke atas</li> <li>3. Kakitangan B/C/F/J/N/Q/S/U/W Gred 48 dan ke atas</li> <li>4. Pengarah, Ketua Eksekutif Kewangan dan Pengurus Pusat Pakar UKM serta kakitangan UKM yang dilantik secara kontrak oleh Pusat Pakar UKM selepas bersara (dikenakan bayaran RM100.00 sebulan atau kadar yang ditetapkan dari semasa ke semasa)</li> </ol>

		<p><i>(Keutamaan diberikan kepada kakitangan yang dinyatakan pada kelayakan seperti perkara 1 di atas. Bagi kakitangan pada kelayakan seperti perkara 2, 3 dan 4 akan diletakkan di zon lain sekiranya tempat letak kenderaan aras bawah telah penuh. Kakitangan pada kelayakan seperti perkara 2, 3 dan 4 hendaklah mengemukakan permohonan kepada Bahagian Governan dan Pentadbiran, Jabatan (KKL)</i></p> <p><b>Tempat Letak Kenderaan Bukan Aras Bawah</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ketua Jabatan di PTj bagi penempatan di Bangunan Pra Klinikal</li> <li>2. Kakitangan Gred 47 dan ke atas termasuk Pensyarah Pelatih 51P</li> <li>3. Kakitangan Gred 44</li> <li>4. Kakitangan Gred 41/42 yang menyandang jawatan Ketua Unit di peringkat Bahagian Pejabat Pro Naib Canselor (KKL) atau peringkat Jabatan di PTj atau Ketua Pentadbiran PTj</li> <li>5. Kakitangan yang mempunyai masalah kesihatan dan mengandungi di peruntukan di Zon C berhampiran Bangunan Pra Klinikal. Permohonan bagi kakitangan yang mempunyai masalah kesihatan akan di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Tempat Letak Kenderaan Kampus Kuala Lumpur untuk pertimbangan.</li> </ol> <p><i>(Kakitangan pada kelayakan seperti perkara 2, 3, 4 dan 5 perlu mengemukakan permohonan kepada Bahagian Governan dan Pentadbiran, Jabatan (KKL)</i></p>
2.	<b>TEMPAT LETAK KENDERAAN TERBUKA</b>	<p><b>Tempat Letak Kenderaan Tidak Berbumbung (Bukan Khas Kakitangan) dan Bangunan Bertingkat</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Semua kakitangan Zon Cheras (Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Fakulti Perubatan, Pusat Islam (KKL), Perpustakaan dan Institut Perubatan Molekul)</li> <li>2. Kakitangan UD/UG/UF Gred 41, Pegawai Perubatan Farmasi Siswazah, Pegawai Perubatan Siswazah, Pegawai Perubatan Bertugas Atas Panggilan dan Pelajar Pasca Siswazah (Klinikal) diperuntukan di Zon N.</li> </ol>

		<p>3. Kakitangan Pusat Pakar UKM dan Pelajar Pasca Siswazah Bukan Klinikal dibenarkan meletakkan kenderaan hanya di Zon R1, R2 dan R3 sahaja.</p> <p>4. Kakitangan Kolej Tun Dr. Ismail hanya dibenarkan meletakkan kenderaan di Kolej sahaja.</p>
3.	<b>TEMPAT LETAK KENDERAAN BERBAYAR</b>	<p><b>Tempat Letak Kenderaan Tidak Berbumbung (Zon F berhampiran Asrama Jururawat dan Zon D Depan Bangunan ASSC)</b></p> <p>1. Syarikat <i>Oursource</i> atau organisasi luar yang mempunyai pejabat di Zon Cheras (dikenakan bayaran RM100.00 sebulan atau kadar yang ditetapkan dari semasa ke semasa)</p>
4.	<b>TEMPAT LETAK KENDERAAN PELAJAR</b>	<p><b>Tempat Letak Kenderaan Kolej Tun Dr. Ismail 1 dan 2</b></p> <p>1. Pelajar Kolej Tun Dr. Ismail yang menginap dalam kampus dan kakitangan Kolej</p> <p><b>Tempat Letak Kenderaan Zon E (Tidak Berturap) dan Zon R2</b></p> <p>1. Pelajar Kolej Tun Dr. Ismail yang tidak menginap dalam kampus.</p>

#### E. TARIKH KUATKUASA

Polisi Tempat Letak Kenderaan (Zon Cheras) ini adalah berkuatkuasa mulai **1 September 2018**.